

Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973)

Prefix and Suffix Error among Tamil National Type School Pupils According the Theory of Error Analysis by Corder (1973)

AMIRRA SHAZREENA AMINUL RAZIN & VIJAYALETCHUMY SUBRAMANIAM

ABSTRAK

Kajian ini mengenal pasti dan membincangkan jenis kesalahan imbuhan awalan dan imbuhan akhiran yang telah dirincikan dalam Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) serta punca murid tidak menguasai imbuhan awalan dan imbuhan akhiran murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Sampel kajian ialah seramai 50 orang murid India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Serdang, Selangor. Sampel yang diambil ialah murid tahun lima Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Serdang. Instrumen yang digunakan ialah ujian bertulis berkenaan dengan imbuhan awalan dan imbuhan akhiran, teori yang digunakan ialah Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Kaedah yang digunakan ialah kaedah pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid tidak menguasai imbuhan awalan dan imbuhan akhiran sepenuhnya. Kajian ini penting untuk membantu pihak sekolah meningkatkan pemahaman imbuhan dalam penulisan murid.

Kata kunci: Murid India; penulisan; awalan; akhiran; Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

ABSTRACT

The objective of this study is to identify the types of error prefix and suffix that have been described in the Theory of Error Analysis by Corder (1973) also the incompetence of prefixes and suffixes. The sample of the study was 50 Indian pupils at Tamil National Type School Serdang, Selangor. Samples taken were standard five pupils. The instrument used is a written test in the prefix and suffix field and the theory used is the Theory of Error Analysis by Corder (1973). The method used is the observation method. The results of the study found that Indian pupils did not fully mastered the prefix and suffix field. The main interests in this research are to help the teachers to increase the pupils' knowledge about remuneration in writing.

Keywords: Indian pupils; writing; prefix; suffix; Tamil National Type School

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada era globalisasi ini, masalah penguasaan bahasa Melayu tetap menjadi masalah dalam kalangan murid yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua walaupun telah 60 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan. Pelbagai perubahan dan pembangunan dalam bidang pendidikan telah dijalankan. Antaranya ialah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (2013). Kerajaan telah menyenaraikan aspirasi bagi sistem pendidikan di Malaysia untuk menghasilkan murid yang terbaik dalam cabaran ekonomi pada abad ke-21 iaitu aspirasi sistem dan aspirasi murid. Di samping itu, terdapat anjakan utama dalam mentransformasikan sistem pendidikan negara. Antaranya ialah menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti yang bertaraf

antarabangsa; memastikan bahawa semua murid menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bahasa lain; melahirkan rakyat yang menghayati nilai, mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan; memastikan bahawa kepemimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah; mengupayakan Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan, mentransformasikan kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian, bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas, memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit dan yang terakhir meningkatkan ketelusan untuk kebertanggungjawaban awam secara langsung.

Dalam pada itu, kerajaan telah melancarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR 2015) yang berpegang kepada prinsip pendekatan bersepadu, iaitu unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai digabungkan supaya wujud kesepaduan daripada segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial diberikan tumpuan yang utama. Seterusnya, perkembangan individu secara menyeluruh iaitu KSSR digubal untuk memastikan bahawa semua mata pelajaran berperanan untuk memenuhi keperluan intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial setiap potensi murid dikembangkan secara bersepadu. Selain itu, pendidikan saksama untuk semua murid, iaitu KSSR memberikan peluang yang luas dan saksama kepada semua murid untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang menyeluruh dan seimbang. Di samping itu, pendidikan seumur hidup iaitu KSSR menyediakan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh semua murid sebagai asas untuk menghadapi cabaran kehidupan seharian dan pendidikan sepanjang hayat.

Selain itu juga, mata pelajaran Bahasa Melayu dan peruntukan masa minimum jam setahun KSSR mata pelajaran bahasa Melayu tahap satu di SJKT adalah minimum 160 jam setahun berbanding dengan SK 192 jam setahun. Manakala, tahap dua mata pelajaran Bahasa Melayu ialah sebanyak 128 jam setahun di SJKT dan 160 jam di SK. Dokumen Standard Kurikulum Pelajar (2016), iaitu DSKP juga telah digubal oleh kerajaan untuk memastikan bahawa murid telah menguasai tahap pembelajaran yang telah diberikan garis panduan mengikut umur atau darjah. Menurut Dokumen Standard Kurikulum Pelajar murid tahun lima seharusnya sudah mengetahui menulis huruf, suku kata dan ayat secara mekanis dengan betul dan kemas. Dalam pada itu juga, imbuhan merupakan sesuatu unit bahasa yang tertentu dan ditambahkan pada bentuk lain dan berlaku perubahan makna sesuatu nahu (Nik Safiah Karim et al. 2009) meliputi imbuhan awalan, imbuhan akhiran, sisipan dan apitan. Imbuhan yang terlibat dalam kajian ini ialah imbuhan awalan kata kerja meN- dan imbuhan akhiran kata nama -an serta imbuhan akhiran kata kerja -kan. Pernyataan masalah dalam kajian ini ialah jurang prestasi keputusan UPSR SJK dalam kertas penulisan bahasa Melayu berbanding SK yang telah dicatatkan dalam peperiksaan UPSR tahun 2016 berdasarkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) yang menunjukkan keputusan Bahasa Melayu di SK dalam GPMP sebanyak 2.55 berbanding Bahasa Melayu Penulisan SJK sebanyak 2.99.

Selain itu, kajian tentang mata pelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid India kurang dijalankan dan kebanyakan kajian hanya memfokuskan kepada murid Cina dan penutur lain sahaja seperti kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod (2017) mengenai sikap dan pandangan murid Cina terhadap bahasa Melayu serta Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad (2017) yang mengkaji faktor pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua murid Iban. Analisis kajian ini dijalankan berasaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) mengikut empat kategori kesilapan bahasa yang telah disenaraikan iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah dan kesilapan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan leksikon. Menurut Corder (1973), kesilapan bahasa merupakan proses pembelajaran dan boleh diselesaikan. Selain itu, Corder juga telah menyatakan kesilapan penting terhadap tiga golongan iaitu, golongan pengajar bagi menunjukkan perkembangan prestasi, kesilapan bahasa pengkaji bagi menunjukkan cara pemerolehan bahasa dan strategi pelajar dan yang terakhir merupakan golongan pelajar dan mereka juga boleh mempelajari kesilapan bahasa yang mereka lakukan.

SOROTAN KAJIAN

PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Chew Fong Peng (2016) telah melakukan kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid Cina. Sampel kajian terdiri daripada 400 orang murid Cina SJKC dan SK di kawasan Kuala Lumpur, Johor dan Selangor dalam kajian bahan bacaan bahasa Melayu. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang dicipta melalui Teori Pemerolehan Bahasa. Dapatan kajian menunjukkan murid Cina melakukan kesalahan dalam sebutan bahasa Melayu disebabkan oleh faktor persekitaran, iaitu keluarga, rakan-rakan dan guru-guru. Hasil kajian juga mengemukakan pendapat agar pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah perlu ditingkatkan supaya murid mempelajari bahasa Melayu dengan baik dan memainkan peranan yang penting dalam pemupukan minat membaca dalam kalangan murid, di samping memperbetulkan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh murid Cina yang menjadikan bahasa Melayu

sebagai bahasa kedua. Tambahan pula, ibu bapa juga memainkan peranan penting di rumah terhadap bahasa Melayu murid. Di samping itu, kajian ini mempunyai keputusan yang sama dengan kajian yang dilakukan oleh Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhamad (2017) yang mengkaji penguasaan bahasa Melayu murid Iban dan mendapati bahawa persekitaran juga mempengaruhi pembelajaran murid Iban. Dalam pada itu, kajian yang dijalankan oleh Chee Hwa Ooi dan Vijayaletchumi Subramaniam (2016) dalam kajiannya terhadap motivasi murid Cina SJKC menunjukkan bahawa interaksi sosial sekeliling dan persekitaran memainkan peranan yang penting terhadap murid yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa persekitaran murid yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mempunyai pengaruh yang besar.

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Kajian tentang strategi pembelajaran bahasa Melayu yang dilakukan oleh Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi dan Sharala Subramaniam (2014) dalam kajiannya mengenai strategi pembelajaran pelajar asing dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Sampel kajian adalah sebanyak 500 orang pelajar asing di sebuah institusi pengajian tinggi swasta. Responden dipilih secara rawak mudah. Instrumen kajian ini ialah soalan selidik, dapatan kajian mendapati bahawa pertuturan dapat menambahkan penguasaan kosa kata pelajar asing. Selain itu, Zamri Mahamod, Kamariah Ayu Ab. Ghani dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2016) dalam objektif kajian mengenal pasti Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dan kekerapan penggunaannya dalam kalangan murid Cina menunjukkan dapatan kajian pertuturan adalah keputusan kajian yang tertinggi dalam Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu. Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Roshidah Hassan (2017) tentang strategi dan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam pembelajaran bahasa Melayu. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis. Dapatan kajian menunjukkan pelajar Perancis bergantung kepada pembelajaran yang disampaikan di dalam kelas. Selain itu, keputusan kajian menunjukkan pertuturan bahasa Melayu mereka kurang dikuasai disebabkan pelajar kurang

bertemu dengan penutur jati asli bahasa Melayu kerana kajian ini dilakukan di luar daerah. Kajian-kajian ini membuktikan pertuturan adalah strategi yang penting dalam pembelajaran bahasa Melayu.

SIKAP TERHADAP BAHASA MELAYU

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Exzayrani Awang Sulaiman (2015) mengenai sikap terhadap bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda dan objektif kajiannya ialah meneliti pandangan generasi muda terhadap fungsi atau peranan bahasa dan mengetahui pandangan generasi ini terhadap fungsi atau kepentingan bahasa Melayu dari aspek ekonomi, pendidikan dan aspek umum. Dapatan kajian ini menunjukkan pandangan generasi muda terhadap bahasa Melayu merupakan pandangan dan perspektif yang positif tetapi bahasa Melayu tidak mempunyai nilai dalam ekonomi dan antarabangsa. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang dan Chew Fong Peng (2017) mengenai sikap dan jati diri pelajar universiti awam dalam objektif kajiannya iaitu mengenal pasti perbezaan tahap jati diri dan perbezaan tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri dalam kalangan pelajar lima universiti awam yang dikaji. Dapatan dalam kajian ini menunjukkan bahawa pelajar universiti awam bersikap positif dan mempunyai jati diri yang kekal terhadap bahasa Melayu. Selain itu, menurut kajian yang dilakukan oleh Roasharimah Ibrahim dan Zamri Mahamod (2017) mengenai sikap dan pandangan murid Cina terhadap bahasa Melayu. Keputusan kajian menunjukkan sikap murid Cina adalah positif dan gemar bertanya dengan guru-guru dan rakan-rakan serta persepsi mereka terhadap bahasa Melayu pula ialah bahasa Melayu merupakan subjek yang penting untuk lulus walaupun sukar untuk dipelajari. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa murid dan pelajar mengetahui kepentingan bahasa Melayu dalam diri mereka dan majoriti adalah bersikap positif terhadap bahasa Melayu.

KESILAPAN TATABAHASA

Kajian yang dilakukan oleh Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) mengenai kesilapan bahasa Melayu yang sering dilakukan oleh pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan China. Instrumen

kajian yang digunakan ialah skrip jawapan peperiksaan akhir pelajar Universiti Yunnan. Dapatan kajian menunjukkan tahap pencapaian pelajar adalah sederhana dalam aspek morfologi, sintaksis dan mekanikal. Dalam pada itu juga, kajian yang dilakukan oleh Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh (2015) dalam kajiannya mengenai kesalahan bahasa daripada aspek morfologi dalam laman blog. Objektif dalam kajian ini ialah mengenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam 10 laman blog daripada segi pembentukan kata daripada aspek imbuhan, kata nama, kata ganda, kata kerja dan kata majmuk. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kesilapan bahasa daripada aspek morfologi iaitu kata terbitan, kata majmuk, kata ganda dan kata tunggal. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Wong Shia Ho (2015) mengenai tata bahasa dan ejaan dalam buku teks Geografi Tingkatan Satu yang berobjektifkan kajian mengenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam buku teks Geografi dan mencadangkan penggunaan bahasa baku yang ditemui dalam buku teks tersebut. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesalahan seperti morfologi, sintaksis dan ejaan dalam buku teks tersebut. Kajian ini telah membuktikan bahawa kesilapan ejaan sering dilakukan oleh pelajar bahasa Melayu yang menjadikannya sebagai bahasa kedua. Bertitik tolak daripada sorotan kajian di atas, kajian ini mengenal pasti dan membincangkan kesalahan imbuhan yang sering dilakukan oleh murid-murid India dalam bidang imbuhan awalan dan akhirat melalui Teori analisis kesalahan Corder (1973).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif. Sampel kajian ialah 50 orang murid yang terdiri daripada 29 orang murid perempuan dan 21 orang murid lelaki daripada kelas 5 UPM. Kaedah pemerhatian digunakan dalam kajian ini. Seterusnya, penyelidik memberikan huraian rinci dengan menggunakan kaedah tinjauan pemerhatian. Pemerhatian secara langsung dilakukan ke atas responden sasaran. Kaedah tinjauan pemerhatian juga bertujuan memudahkan pemilihan sampel di samping menganalisis data. Ujian dalam bentuk penulisan dijalankan. Lokasi kajian ini dilakukan di SJKT FES Serdang, Seri Kembangan Selangor yang berada berdekatan dengan Universiti Putra Malaysia Kampus Serdang. Sekolah ini terdiri daripada 315


murid lelaki dan 388 murid perempuan serta 38 orang guru. Sekolah ini terletak kira-kira 6 kilometer dari bandar Seri Kembangan.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian imbuhan awalan meN- dan imbuhan akhiran -an serta -kan dianalisis berdasarkan Teori Analisis Corder (1973) mengikut empat kategori kesilapan bahasa yang telah disenaraikan iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah dan kesilapan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan leksikon.

Imbuhan awalan meN-:

1. Emak sedang **menyapu** (sapu) sampah di halaman rumah.



Imbuhan men- iaitu perkataan menyapu telah menunjukkan hanya 44% sahaja murid yang menjawab dengan betul. 56% lagi murid didapati tidak menjawab dengan betul dan tepat. Melalui Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) kesalahan bahasa yang banyak dilakukan dalam jawapan soalan ini ialah penambahan unsur yang tidak perlu. Kebanyakan murid menjawab 'menyapu' tanpa menggugurkan huruf 'y' yang merupakan unsur yang tidak perlu dalam imbuhan men- dan perkataan menyapu.

2. Ravi **memanjat** (panjat) pokok rambutan itu.



Imbuan me- iaitu memanjat telah menunjukkan 62% murid menjawab dengan salah dan hanya 38% sahaja yang menjawab dengan betul. Kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid dalam Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder ialah pemilihan unsur yang tidak tepat iaitu kebanyakan murid memilih imbuan awalan mem- dan menjadi 'mempanjat'. Selain itu, terdapat juga penambahan unsur yang tidak perlu iaitu kebanyakan murid tidak menggugurkan huruf 'p' yang merupakan unsur yang tidak perlu dalam imbuan mem- dan menulis kembali bulat-bulat perkataan panjang dan menjadi 'mempanjat'.

3. Chin sedang **menanam** (tanam) pokok di dalam pasu.



Imbuan men- iaitu perkataan menanam menunjukkan 41% sahaja murid yang menjawab dengan betul dan 59% murid tidak menjawab dengan betul. Kebanyakan murid menjawab imbuan ini dengan tidak menggugurkan huruf 't' iaitu kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid melalui Teori Analisis Kesalahan Corder ialah penambahan unsur yang tidak perlu iaitu dalam imbuan men- perlu menggugurkan huruf 't' dan menjadi menanam bukan perkataan 'mentanam'.

4. Pak Ali **menternak** (ternak) kambing di ladang.



Imbuan men- dalam perkataan menternak telah menunjukkan keputusan kajian kesalahan sebanyak 59% dan murid yang menjawab dengan betul hanyalah 41%. Kebanyakan murid menjawab imbuan ini dengan menggugurkan huruf 't' dalam


perkataan menternak dan menjadikan kesalahan bahasa dalam Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder iaitu pemilihan unsur yang tidak tepat dengan menggunakan imbuan me- sebagai pilihan imbuan dan penguguran unsur yang perlu iaitu huruf 't' yang diperlukan dalam imbuan men- tanpa perlu menggugurkannya.

5. Nadia **mengalap** (lap) meja yang kotor.



Perkataan mengalap atau imbuan menge- menunjukkan keputusan kajian sebanyak 31% sahaja murid menguasai imbuan menge- dan 69% lagi tidak menguasai imbuan ini. Kesalahan bahasa yang ditunjukkan dalam imbuan ini ialah murid memilih unsur yang tidak tepat iaitu memilih imbuan men- sebagai imbuan lap dan menjadikan perkataan tersebut 'menlap'. Hal ini telah menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh murid dalam imbuan ini ialah memilih unsur yang tidak tepat iaitu kesalahan dalam memilih imbuan yang betul.

6. Rina **menari** (tari) dalam persembahan hari guru.



Perkataan menari iaitu imbuan men- menunjukkan tahap penguasaan imbuan murid yang agak lemah. Hal ini demikian kerana keputusan kajian menunjukkan majoriti murid iaitu 81% murid tidak menguasai imbuan ini, hanya 19% sahaja murid yang menguasai imbuan men-. Dalam pada itu, majoriti murid menjawab imbuan ini dengan kesalahan bahasa menambah unsur yang tidak perlu. Hal ini adalah kerana majoriti murid


menjawab imbuhan men- iaitu perkataan menari dengan penambahan huruf ‘t’ dan menjadi perkataan ‘mentari’. Seharusnya dalam imbuhan men- huruf ‘t’ perlu digugurkan dan menjadi perkataan menari.

7. Pak Cik Rahman **mengetuk** (ketuk) paku di atas kayu.



Imbuhan meng- bagi perkataan mengetuk menunjukkan hanya 33% sahaja murid menguasai imbuhan ini dan 67% lagi tidak menguasai imbuhan ini. Kesalahan bahasa yang dilakukan menggunakan Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder ialah menambahkan unsur yang tidak perlu iaitu menambahkan huruf ‘k’. Hal ini adalah kerana keperluan imbuhan meng- ialah menggugurkan huruf ‘k’. Jika tidak digugurkan ia akan menjadi perkataan ‘mengketuk’ dan salah daripada segi penerimaan imbuhan meng-.

8. Kakak **menyiram** (siram) pokok bunga ibu.




Imbuhan meny- iaitu perkataan menyiram menunjukkan 45% sahaja murid menjawab dengan betul dan 55% lagi tidak menjawab dengan tepat. Kesalahan bahasa mengikut Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder ialah pemilihan unsur yang tidak tepat. Sepatutnya murid memilih imbuhan meny- untuk perkataan menyiram bukan imbuhan men-. Majoriti murid menjawab imbuhan men- dalam perkataan menyiram dan menjadi kesalahan pemilihan imbuhan awalan dan menjadikan perkataan ‘mensiram’ yang tidak membawa sebarang maksud.

9. Ayah **memandu** (pandu) kereta pulang ke kampung.




Imbuhan me- dalam perkataan memandu telah menunjukkan bahawa 36% penguasaan murid yang menguasai imbuhan me- bagi perkataan memandu dan 64% lagi tidak menguasai imbuhan dalam perkataan ini. Kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid-murid ialah pengguguran unsur yang perlu iaitu menggugurkan huruf ‘n’ dalam perkataan pandu dan menjadikan perkataan tersebut ‘memadu’ setelah menerima imbuhan. Pengguguran tersebut telah mengubah makna sebenar perkataan asalnya iaitu memandu.

10. Nenek **menyidai** (sidai) baju di ampaian belakang rumah.



Imbuhan meny- dalam pengimbuhan menyidai menunjukkan tahap penguasaan murid yang lemah, iaitu hanya 28% yang menguasai dan 72% lagi tidak menguasai. Kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid-murid ialah penambahan unsur yang tidak perlu iaitu tidak menggugurkan konsonan ‘s’ setelah menerima imbuhan awalan meny-. Hal ini akan menjadikan perkataan tersebut tidak mempunyai makna, iaitu ‘menysidai’.


ANALISIS KESALAHAN IMBUHAN AWALAN MURID BERASASKAN TEORI ANALISIS KESALAHAN CORDER (1973).



Analisis Kesalahan imbuhan awalan murid berasaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) menunjukkan kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh murid ialah penambahan unsur yang tidak perlu iaitu sebanyak 60% murid melakukan kesalahan tersebut. Dalam pada itu, kesalahan dalam pemilihan unsur yang tidak tepat pada tahap yang sederhana iaitu 33% kesalahan dan kesalahan dalam pengguguran unsur yang perlu pada tahap yang rendah iaitu 7%. Dapatan ini menunjukkan murid-murid kurang menggugurkan unsur yang perlu dalam imbuhan awalan dan banyak melakukan kesalahan dalam penambahan unsur yang tidak perlu dengan menambahkan huruf atau perkataan yang tidak diperlukan dalam membentuk imbuhan awalan meN- dan menyebabkan kesalahan dalam imbuhan awalan ini berlaku.

Imbuhan akhiran -an dan -kan


1. Minta **lapkan** (lap) meja saya selepas ini.



Imbuhan -kan dalam perkataan lap tersebut merupakan ayat suruhan. Keputusan kajian menunjukkan hanya 41% murid menguasai imbuhan tersebut dan 59% lagi iaitu lebih, daripada separuh murid tidak menguasai imbuhan tersebut. Antara kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid ialah pemilihan unsur yang tidak tepat dan penambahan


unsur yang tidak perlu. Pemilihan unsur yang tidak tepat ditunjukkan dalam imbuhan tersebut ialah murid-murid menjawab imbuhan akhiran tersebut dengan imbuhan -an dan menjadikan 'lapan', seharusnya murid-murid menjawab imbuhan -kan iaitu 'lapkan'. Kesalahan pengimbuhan tersebut telah mengubah makna asal imbuhan tersebut iaitu 'lapkan' dan bukan 'lapan' yang telah mengubah maksud menjadi maksud yang lain. Selain itu, kesalahan penambahan unsur yang tidak perlu ialah murid-murid menambahkan vokal 'a' dalam perkataan 'lapkan' dan menjadi 'lapkaan'.

2. **Lukisan** (lukis) Aini mendapat tempat pertama.



Imbuhan -an berikut merupakan imbuhan yang menunjukkan kata nama. Kajian menunjukkan hanya 38% murid yang menguasai imbuhan -an bagi perkataan 'lukisan' dalam soalan tersebut dan 62% lagi murid tidak menguasai. Antara kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid ialah pemilihan unsur yang tidak tepat, iaitu kebanyakan murid memilih imbuhan kan- dan menjadi 'lukiskan' yang telah mengubah maksud menjadi kata perintah dan bukan lagi kata nama seterusnya mengubah peranan atau fungsi perkataan tersebut.


3. Razi membeli **makanan** (makan) di kantin.



Perkataan makan yang menerima imbuhan akhiran -an di belakang berfungsi sebagai kata nama. Keputusan kajian menunjukkan bahawa 77% murid tidak menguasai imbuhan berikut, hanya 23% yang menguasai imbuhan berikut. Kesalahan yang ditunjukkan dalam jawapan murid-murid


ialah penambahan unsur yang tidak perlu, iaitu menambahkan vokal ‘a’ dalam imbuhan tersebut dan menjadikan perkataan ‘makanaan’. Penambahan unsur yang tidak perlu telah mengubah makna sesuatu perkataan dan tidak mempunyai maksud seperti yang ingin disampaikan.

4. Bomba memberikan **bantuan** (bantu) kepada mangsa kebakaran.




Perkataan bantu yang menerima imbuhan -an memberikan peranan sebagai kata nama. Murid yang tidak menguasai imbuhan ini sebanyak 62% dan hanya 38% yang menguasai imbuhan ini. Antara kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid-murid ialah pengguguran unsur yang perlu, iaitu menggugurkan huruf konsonan ‘n’ dalam perkataan ‘bantuan’ dan menjadi ‘batuan’. Hal ini telah mengubah makna asal perkataan yang telah menjadi makna yang lain.

5. Mari saya **nyalakan** (nyala) unggun api itu.




Imbuhan -kan dalam perkataan nyalakan ialah menawarkan diri membuat sesuatu. Keputusan kajian menunjukkan bahawa 62% murid tidak menguasai imbuhan ini, dan hanya 38% menguasai. Antara kesalahan yang dilakukan dalam pengimbuhan akhiran ini ialah pemilihan unsur yang tidak tepat. Kebanyakan murid telah memilih imbuhan -an dan menjadi ‘nyalaan’. Hal ini telah mengubah makna sebenar dan menjadikan perkataan tersebut sebagai kata nama, seharusnya murid-murid memilih imbuhan -kan dan menjadi ‘nyalakan’.

6. Kakak **masukkan** (masuk) buku ke dalam beg adik.




Imbuhan -kan dalam perkataan masukkan membawa maksud memasukkan sesuatu. Hanya 23% murid yang menguasai imbuhan ini dan 77% lagi tidak menjawab dengan tepat. Kesalahan yang dilakukan dalam pengimbuhan ini ialah pemilihan unsur yang tidak tepat. Kebanyakan murid memilih imbuhan -an menjadi ‘masukan’ dan bukan imbuhan yang tepat iaitu -kan.

7. Cikgu Ali **ajarkan** (ajar) murid-murid cara mengira dengan betul.




Kebanyakan murid menjawab dengan salah imbuhan ini dengan menambahkan unsur yang tidak perlu, iaitu vokal ‘a’ dan menjadi ‘ajaraan’ yang tidak membawa sebarang maksud. Keputusan juga menunjukkan 56% murid tidak menguasai imbuhan tersebut dan hanya 44% menguasai. Seharusnya, jawapan bagi imbuhan ini ialah menambahkan imbuhan akhiran -kan dan menjadi ‘ajarkan’. Selain itu, terdapat juga kesalahan pemilihan unsur yang tidak tepat dengan meletakkan imbuhan -an dalam soalan imbuhan akhiran yang menjadi perkataan ‘ajaran’ seterusnya membentuk kata nama.

8. **Bungkusan** (bungkus) makanan itu diberi oleh ibu.




Imbuhan -an mengambil fungsi sebagai kata nama dalam sesuatu perkataan. Melalui soalan yang diberikan, bungkusan membawa maksud sesuatu yang telah dibungkuskan. Hanya 28% yang menguasai imbuhan ini dan 72% lagi tidak menguasai. Kesalahan yang dilakukan dalam pengimbuhan ini ialah menggugurkan unsur yang perlu. Antara pengguguran yang dilakukan ialah menggugurkan konsonan 'k' dan menjadi 'bungusan'. Selain itu, terdapat juga kesalahan memilih unsur yang tidak tepat dengan meletakkan imbuhan ber- di hadapan dan menjadi 'berbungkus'. Hal ini telah mengubah maksud sebenar perkataan tersebut yang mengambil peranan sebagai kata nama.

9. Murid-murid diminta menulis **karangan** (karang) sebanyak 150 patah perkataan.




Hanya 35% murid menguasai imbuhan -an dalam perkataan karangan dan 65% lagi tidak menguasai imbuhan ini. Antara kesalahan yang dilakukan ialah pemilihan unsur yang tidak tepat iaitu meletakkan imbuhan akhiran -kan dan menjadi 'karangan'. Hal ini menjadikan sesuatu perbuatan atau kata kerja dan tidak membawa maksud sebenar, iaitu 'karangan' sebagai kata nama. Dalam pada itu, terdapat juga kesalahan menambahkan unsur yang tidak perlu iaitu menambahkan vokal 'a' dan menjadi perkataan 'karangaan' yang tidak membawa sebarang maksud.

10. Yuva **tolakkan** (tolak) kerusi roda Yani ke parkir kereta.



Keputusan kajian yang sangat lemah ialah imbuhan -kan dalam perkataan 'tolakkan' yang ditunjukkan hanya 17% sahaja dan hampir keseluruhan murid iaitu 83% orang murid tidak menguasai imbuhan ini. Antara kesalahan yang dilakukan ialah pemilihan unsur yang tidak tepat iaitu kebanyakan murid memilih imbuhan -an dan menjadi perkataan tersebut 'tolakan'. Seharusnya murid perlu memilih imbuhan -kan yang menunjukkan perbuatan atau kata kerja bukan 'tolakan' yang membawa makna kata nama.

ANALISIS KESALAHAN IMBUHAN AKHIRAN MURID MENURUT TEORI ANALISIS KESALAHAN CORDER (1973)



Dapatan kajian imbuhan akhiran berasaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) menunjukkan kebanyakan murid melakukan kesalahan dalam pemilihan unsur yang tidak tepat iaitu sebanyak 69% kesalahan. Selain itu, penambahan unsur yang tidak perlu berada di tahap sederhana iaitu 25% kesalahan dan pengguguran unsur yang perlu berada di tahap yang rendah iaitu 6%. Analisis dalam imbuhan akhiran dapat disimpulkan bahawa murid-murid banyak memilih unsur yang tidak tepat iaitu memilih imbuhan yang salah dan tidak memilih imbuhan yang sepatutnya. Hal ini menyebabkan kesalahan imbuhan akhiran berlaku yang akan mengubah

perkataan sebenar jawapan atau mengubah kata nama kepada kata kerja dan kata kerja kepada kata nama.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa perkataan yang biasa digunakan oleh murid-murid seperti dalam imbuhan mem- dalam perkataan membaca dan imbuhan me- untuk perkataan melawat mencatatkan kesalahan yang sedikit kerana biasa digunakan oleh guru-guru dan juga disebabkan persekitaran mereka terdedah dengan perkataan ini. Hal ini adalah kerana menurut pemerhatian pengkaji terdapat perkataan melawat dan juga membaca di papan tanda dan juga di dinding sekolah yang menjadi pemangkin murid-murid mudah untuk menjawab soalan tersebut. Di samping itu, kesalahan imbuhan akhiran yang paling banyak dilakukan oleh murid-murid SJKT berasaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) menunjukkan kesalahan dalam memilih unsur yang tepat. Dalam pada itu, kesalahan imbuhan awalan yang banyak dilakukan oleh murid-murid ialah penambahan unsur yang tidak perlu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penganalisan kesalahan imbuhan awalan dan akhiran berasaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) menunjukkan kebanyakan murid melakukan kesalahan dalam pemilihan unsur yang tidak tepat dan imbuhan awalan pula menunjukkan kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh murid ialah penambahan unsur yang tidak perlu. Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) dapat menjelaskan dan mengelaskan jenis kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh murid dengan lebih terperinci untuk memudahkan guru-guru memantau kesalahan yang kerap dilakukan oleh murid-murid dan memudahkan pembedaan pada masa akan datang dilakukan. Dalam pada itu, mengikut pemerhatian yang telah dijalankan mendapati murid tidak memahami soalan yang dikemukakan dan tidak biasa menggunakan imbuhan di rumah dan juga sekolah. Penggunaan bahasa Melayu di rumah dan sekolah sangat penting dalam penguasaan bahasa Melayu murid yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kerana persekitaran memainkan peranan dalam pembelajaran bahasa Melayu mereka. Hal ini juga telah dibuktikan melalui kajian lepas yang dijalankan oleh Chew Fong Peng (2016) dalam kajiannya terhadap murid Cina menunjukkan

bahawa murid Cina mempunyai kesalahan dalam sebutan bahasa Melayu disebabkan oleh faktor persekitaran iaitu keluarga, rakan-rakan dan guru-guru yang menjadi pengaruh dalam persekitaran mereka. Hasil kajian juga mengemukakan pendapat agar pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah perlu ditingkatkan supaya murid-murid mempelajari bahasa Melayu dengan baik dan memainkan peranan yang penting dalam pemupukan minat membaca dalam kalangan murid-murid di samping memperbetulkan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh murid yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dalam pada itu juga, Corder (1973) menyatakan kesilapan penting terhadap tiga golongan iaitu, golongan pengajar bagi menunjukkan perkembangan prestasi, kesilapan bahasa pengkaji bagi menunjukkan cara pemerolehan bahasa dan strategi pelajar dan yang terakhir merupakan golongan pelajar dan mereka juga boleh mempelajari kesilapan bahasa yang mereka lakukan. Melalui kajian ini, guru-guru dapat mengesan dan memperbetulkan jenis kesilapan yang dilakukan dalam pengimbuhan murid agar kesilapan imbuhan awalan dan akhiran tidak lagi dilakukan oleh murid.

Penghargaan dalam kajian ini ditujukan kepada guru besar SJK(T) Serdang dan guru-guru SJK(T) Serdang yang memudahkan kajian ini dijalankan. Dalam pada itu, ucapan penghargaan terima kasih juga kepada murid-murid SJK(T) Serdang yang menjadi sampel kajian dan memberikan kerjasama yang baik dalam menjawab ujian penulisan yang diberikan.

RUJUKAN

- Corder S.P. 1973. *Introducing Applied Linguistics*. Lincoln: Penguin Books Ltd.
- Chee Hwa Ooi dan Vijaya Letchumi Subramaniam. 2016. Tahap motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Ulum Islamiyah Journal* 18: 115-130
- Chew Fong Peng. 2016. Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6: 10-22
- Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad. 2017. Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7: 78-84.
- Exzayrani Awang Sulaiman. 2015. Sikap Bahasa Generasi Muda Terhadap BM: Kajian Kes Sekolah Menengah Chung Hwa. *E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research, Universiti Brunei*, 8-9 Jun: 925-938.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Malaysia. 2015. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Malaysia. 2016. *Dokumen Standard Kurikulum Pelajar*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Nik Safiah Karim et al. 2009. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roshidah Hassan. 2017. Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Perancis. *Journal of Language Studies* 17(1): 125-146.
- Roasharimah Ibrahim dan Zamri Mahamod. 2017. Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Melayu Murid Cina. <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/2-roasharimah-ibrahim-zamri-mahamod.pdf> [7 Nov 2017].
- Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron. 2016. Kesilapan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu* 15(2): 196-209.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh. 2015. Penggunaan Bahasa dalam Laman Blog dari Aspek Morfologi. *Journal of Business and Social Development* 3(2):34-50.
- Wong Shia Ho. 2015. Tinjauan Tentang Penggunaan Bahasa Melayu dalam Buku Teks Geografi Tingkatan Satu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL* 12.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi dan Sharala Subramaniam. 2014. Penggunaan dan Kekekapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu* 4: 25-35
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cina berdasarkan Sikap dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu* 6(1): 38-51
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang dan Chew Fong Peng. 2017. Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Jati Diri Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Aliran Pendidikan Universiti Awam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(1): 34-43.

Amirra Shazreena Aminul Razin
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
Selangor, Malaysia
ashazreena93@gmail.com

Vijayaletchumy Subramaniam PhD
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
Selangor, Malaysia
letchumy1617@gmail.com

Diserahkan: 13 Ogos 2018
Diterima: 19 November 2018

